
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

RPK 343 – ASPEK SOSIAL DALAM PERANCANGAN

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. **SATU** dari **Bahagian A (WAJIB)** dan **TIGA** dari **Bahagian B**.

Bahagian A (WAJIB)

1. "Bagi menilai kualiti hidup secara yang menyeluruh, adalah baik jika kedua-dua petunjuk yang berbentuk objektif dan subjektif dapat digunakan".

(Unit Perancang Ekonomi 1999 Kualiti Hidup Malaysia)

- (a) Huraikan konsep petunjuk yang dimaksudkan seperti di atas dan bezakan isu dan masalah penggunaan petunjuk-petunjuk objektif dan subjektif.

(20 markah)

- (b) Bincangkan bagaimana melalui petunjuk bandar (*urban indicators*) kualiti hidup boleh dipertingkatkan.

(20 markah)

Bahagian B (Jawab TIGA soalan sahaja)

2. Asasnya, konsep 'sosial' dalam perancangan adalah penting ditafsirkan dengan betul dan tepat. Nyatakan perbezaan dan persamaan di antara 'aspek sosial' dan 'perancangan sosial'.

(20 markah)

3. Pembangunan komuniti selalunya digunakan dalam konteks pembangunan luar bandar. Kini beberapa projek pembangunan bandar memerlukan kaedah pembangunan komuniti. Bincangkan.

(20 markah)

4. Konsep penyertaan ataupun penglibatan rakyat adalah penting dalam membangunkan sesebuah negara yang demokratik. Sila komen dengan merujuk kepada potensi serta gejala yang dihadapi dalam menggunakan konsep tersebut.

(20 markah)

5. Projek pembangunan yang besar merupakan sebagai pemangkin dalam meningkatkan kualiti hidup untuk masyarakat umum. Nyatakan bagaimana masyarakat umum boleh meraih kebaikan daripada projek-projek sedemikian.

(20 markah)